

Harap isu kalimah ALLAH selesai

BATU PAHAT – Kementerian Dalam Negeri (KDN) berharap, isu yang timbul berkaitan rampasan buku katolik yang mengandungi kalimah Allah dan lambing salib di Muar, dapat diselesaikan sebaik mungkin.

Timbalan menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihak terlibat diharap menyelesaikannya segera serta mencontohi langkah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam menyelesaikan isu rampasan Bible di negeri itu, baru-baru ini.

"Buat masa ini saya belum menerima laporan lengkap berkaitan kejadian berkenaan dan berharap ia disesuaikan segera bagi mengelakkan kemudaratian."

"Saya juga mengharapkan ia disesuaikan dengan sebaik mungkin,"

katanya dalam sidang media ketika menghadiri Program Mesej Dari Penjara di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi merangkap Ahli Parlimen Sri Gading dan Ketua Pengarah Penjara, Datuk Seri Zulkifli Omar.

Terdahulu, sebuah berita secara portal melaporkan, seorang paderi Katolik ditahan kerana memiliki 31 buku hymn yang mengandungi kalimah Allah dan dipercayai digunakan Orang Asli di bawah seliaannya.

Father Cyril Mannayagam, 44, dipetik berkata, biarpun pihak polis tidak meneruskan kes terhadapnya, buku bertajuk 'Mari Kita Memuji Allah Kita' itu dirampas dan masih belum dipulangkan kepadanya.



Wan Junaidi (dua, kiri) menerima cenderahati dari pihak UTHM selepas program berkenaan berlangsung, semalam.